



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN DIGITAL
BUTTERWORTH (DEWAN RIA) KAMPUNG LEBUH BENGGALI,
BUTTERWORTH

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
17 OKTOBER 2020 (SABTU)
9.00 PAGI

PERPUSTAKAAN DIGITAL BUTTERWORTH (DEWAN RIA)
KAMPUNG LEBUH BENGGALI, PULAU PINANG

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ahli Parlimen Bagan

Yang Berhormat Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri II

Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Bin Jaafar

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Penduduk Kampung Lebu Benggali

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Perpustakaan Digital Butterworth atau *Butterworth Digital Library* di Dewan Ria, Kampung Lebu Benggali, Butterworth. Saya berasa syukur dan bangga kerana program ini masih boleh dijalankan dengan memastikan tatacara atau norma baru perjalanan program diadakan dalam menangani isu pandemik COVID-19 ini. Yang pasti, kita tidak boleh berasa selesa kerana setiap hari masih terdapat kes-kes baru yang terjadi. Justeru, untuk memastikan Pulau Pinang ke arah zon hijau, marilah sama-sama kita mengamalkan norma baru dalam kehidupan kita dengan penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka serta *hand sanitizer*.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan, Yang Berhormat Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II kerana sudi hadir bagi

menyempurnakan majlis pada pagi ini. Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Bin Jaafar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang; Ahli-Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat,
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Pada 16 September 2020, genaplah setahun Seberang Perai bertaraf Bandaraya. Peningkatan status Perbandaran ke Bandaraya tidaklah hanya pada nama, malahan MBSP terus melaksanakan pelbagai perubahan di mana proses dan mekanisme kerja yang lapuk serta birokrasi telah ditambah baik atau dihapuskan. Pemikiran kreatif dan inovatif sentiasa disuburkan di kalangan warga kerja MBSP melalui penggunaan teknologi IoT, AI dalam persekitaran Industri 4.0.

Pada 18 Mac 2020, enam (6) bulan selepas kegembiraan menyambut kehadiran Bandaraya, Malaysia berhadapan dengan risiko kemerosotan ekonomi berikutan krisis kesihatan iaitu penularan wabak koronavirus atau COVID-19 yang berpanjangan dan kejatuhan harga minyak dunia. Dengan kemelesetan ekonomi negara, pendapatan MBSP menyusut sebanyak 19% berbanding tempoh yang sama tahun 2019 disebabkan penurunan kutipan hasil cukai dan hasil bukan cukai.

Namun begitu, MBSP terus komited melaksanakan perkhidmatan dan memperkukuhkan ekonomi dengan memperkenalkan langkah dan inisiatif fiskal ke arah “Pembangunan Ekonomi Tempatan Yang Progresif” bagi tahun 2021. Projek-projek keutamaan MBSP akan tertumpu kepada *digital economy* dan *circular economy* sebagai pemangkin untuk pemulihan dan pengukuhan ekonomi pasca COVID-19.

MBSP berpegang kepada prinsip iaitu semasa ekonomi makmur, perbelanjaan diterajui oleh sektor swasta, manakala semasa ekonomi meleset atau terkesan akibat dari pandemic COVID-19, Kerajaan Negeri dan MBSP hendaklah menerajui perbelanjaan supaya kebangkitan ekonomi dapat disegerakan.

Justeru, MBSP telah memperuntukkan RM4 juta untuk menaiktaraf Pasar Awam Jeti Lama supaya menjadi pemangkin ekonomi serta membawa kesan limpahan (*spill over effect*) kepada peniaga-peniaga seperti menyediakan medan *food truck* di tempat letak kereta berhadapan Bangunan MARA, Jalan Pantai, Butterworth.

MBSP mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, kerana meluluskan peruntukkan dalam Ucapan Bajet 2021 semasa Persidangan Dewan baru-baru ini. iaitu:-

- i. RM5 juta untuk naik taraf dan pembinaan parit mosoon dari Sungai Puyu ke Jalan Siram, Seberang Perai Utara;
- ii. RM1.4 juta untuk pembinaan Komplek Penjaja Mak Mandin; dan
- iii. RM2 juta utk pembangunan Robina Eco Park Fasa 2.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat,
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Pelbagai langkah telah diambil untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Pintar selaras dengan Visi *Penang2030* yang memberi keutamaan ke arah menjadi Negeri Pintar. Projek-projek keutamaan ke arah Bandaraya Pintar yang sedang dilaksanakan dan telah dilaksanakan oleh MBSP pada tahun ini adalah:-

1. ***BUTTERWORTH DIGITAL LIBRARY*** yang merupakan satu usaha Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) selaras dengan Visi *Penang2030*. Perpustakaan Digital Butterworth dibangunkan di Bangunan Dewan Ria milik MBSP dengan keluasan 20,000 kaki persegi, manakala pembayaran projek adalah sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kos berjumlah RM4.6 juta manakala pihak Think City Sdn. Bhd. telah membiayai kos pelantikan perunding dengan anggaran kos berjumlah RM500,000.00.

Ini merupakan usaha dan komitmen MBSP dan Think City dalam meningkatkan kualiti kehidupan di Butterworth dan untuk menjadikan Butterworth sebuah bandar yang boleh ditandingi.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memilih Butterworth sebagai lokasi kedua Digital Library di Pulau Pinang. Malahan memberi peluang kepada MBSP melibatkan diri dalam projek digital yang amat bermakna kepada rakyat.

2. **CYBER COUNTER** di mana 100 perkhidmatan yang disediakan di Kaunter Berpusat MBSP juga disediakan di dalam *Cyber Counter*.

3. **SISTEM AMARAN PARAS AIR KAWALAN BANJIR (SPARK)** yang mengaplikasikan *Internet of Things* (IOT) dan berfungsi untuk mengesan ketinggian paras air melalui *ultrasonic sensor*.

4. **INTEGRASI SISTEM VIDEO ANALYTIC DAN CCTV** di mana MBSP sedang dalam proses menaiktaraf sebanyak 86 unit kamera CCTV milik MBSP daripada jenis analog kepada jenis

digital. Sistem CCTV ini akan turut dilengkapi dengan video analitik yang berupaya untuk melaksanakan pengiraan isipadu kenderaan, pengecaman kenderaan, pengecaman no plat kenderaan, mengesan pembuangan sampah haram, mengesan kenderaan yang diparkir di kawasan larangan.

5. SMART TRAFFIC ANALYTICS & RECOGNITION SYSTEM – STARS OLEH TM ONE SMART SERVICES UNTUK ALAT KAWALAN LAMPU ISYARAT MENGGUNAKAN TEKNOLOGI

IoT di mana MBSP menjalinkan kerjasama dengan TM One (Telekom Malaysia Berhad) bagi melaksanakan pemasangan sistem pemantauan operasi lampu isyarat menggunakan teknologi di 100 persimpangan lampu isyarat.

6. PEMASANGAN GREENWAVE DI PERSIMPANGAN JALAN BUKIT TAMBUN, JALAN BUKIT MINYAK DAN AUTOCITY MENGGUNAKAN SIGNAL DAN RADIO FREQUENCY (RF).

Bagi meningkatkan kelancaran aliran lalulintas, MBSP telah melaksanakan pelaksanaan *greenwave* di persimpangan-persimpangan berlampu isyarat dengan memastikan siri lampu isyarat diselaraskan bagi memastikan pergerakan aliran lalu lintas yang tinggi mendapat aliran lalu lintas berterusan

sehingga beberapa persimpangan dalam satu atau dua arah utama.

7. **PROOF OF CONCEPT (POC) DELL- QLUE PORTAL SMART CITY** di mana pembangunan Platform Aplikasi *MyCity Qlue* secara *Proof Of Concept* (POC) bagi membolehkan MBSP untuk menyediakan sistem penyampaian yang berkesan dan cekap kepada Rakyat Seberang Perai.

8. **PELANTIKAN BOOST SEBAGAI PENAMBAHAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN MELALUI eWALLET** dalam mencorak perkhidmatan tanpa tunai untuk melaksanakan pembayaran Cukai Taksiran melalui perkhidmatan *Boost*.

9. **SISTEM TEMPAT LETAK KERETA PINTAR (PENANG SMART PARKING - PSP)** di mana melalui sistem tersebut, pemandu boleh mendapatkan tapak letak kereta secara mudah dan cepat terutama di beberapa lokasi terpilih yang menjadi tumpuan ramai. Ini kerana setiap petak akan dipasang dengan alat pengesan khas.

10. **PENANG SMART BUS STOP** ini dilengkapi ciri-ciri keselamatan berteknologi tinggi seperti CCTV dan Panic Button yang dihubungkan terus kepada pusat kawalan PDRM. Selain itu, ia juga turut dilengkapi dengan Solar Panel, Wifi, *Charging Pod* dan *Digital Advertising Panel*.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat menjayakan Projek *Butterworth Digital Library* kerana usaha ini merealisasikan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua yang selama ini telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran sehingga MBSP telah berjaya mengorak langkah untuk setanding dengan organisasi-organisasi besar dalam bidang teknologi. Marilah kita sama-sama tanamkan azam dan semangat untuk

memperbaharui cara kerja kita, bersedia mental dan fizikal kita supaya kita akan bekerja dalam keadaan yang lebih cemerlang daripada sebelum ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan, serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha MBSP ke arah *Smart Sustainable City* di samping telah banyak memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha- usaha MBSP.

Terima kasih juga kepada Ahli- Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan penduduk-penduduk Seberang Perai telah sama-sama memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”** dapat direalisasikan pada tahun 2022. Selain itu, pastikan kita mengamalkan norma baru kehidupan dengan memakai pelitup muka dan penjarakan sosial.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian,

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.